



28 MAR, 2024

Towerrunning Universiti Malaysia lubuk serlah bakat pelari menara



Sinar Harian, Malaysia

Page 1 of 2

Towerrunning Universiti Malaysia lubuk serlah bakat pelari menara

KEJOHANAN Towerrunning Universiti Malaysia yang dianjurkan buat julung kalinya di Universiti UCSI, Kuala Lumpur pada 18 Mei ini diharap menjadi lubuk melahirkan lebih ramai pelari menara berprestasi tinggi pada masa depan.

Pengasas Persatuan Larian Menara Malaysia, Soh Wai Ching berkata, kejohanan dengan kerjasama jawatankuasa pelajar UCSI-Youth Beyond Boundaries itu adalah bersempena dengan Hari Belia Kebangsaan yang disambut pada 15 Mei setiap tahun.

"Matlamat kita nak dapatkan lebih banyak bakat larian menara dengan sokongan daripada Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Pendidikan Tinggi, rakan muda, Youth Beyond Boundaries dan UCSI.

"Malaysia sedang bina komuniti kuat yang menggemari larian menara, baru ada peluang

disenaraikan di Sukan SEA 2027, setakat ini kita dah jumpa (adakan pertemuan) Ketua Pengarah Majlis Sukan Negara, Abdul Rashid Yaakub bulan lepas," katanya.

Jaguh pelari menara itu menjangkakan sebanyak 200 kumpulan daripada seluruh universiti di negara ini akan menyertai kejohanan berkenaan dengan Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim sudah mengesahkan penyertaan dalam kejohanan tersebut.

Terdahulu Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Adam Adli Abd Halim melancarkan kejohanan berkenaan yang menawarkan hadiah wang tunai keseluruhan berjumlah RM16,800 menerusi lima kategori dipertandingkan iaitu lelaki universiti, wanita universiti, kumpulan universiti, terbuka lelaki dan terbuka wanita.



Adam Adli (kanan) dan Wai Ching menunjukkan trofi Towerrunning Universiti Malaysia yang akan diadakan di Kuala Lumpur pada Mei depan.



28 MAR, 2024

Towerrunning Universiti Malaysia lubuk serlah bakat pelari menara

Sinar Harian, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

KEJOHANAN Towerrunning Universiti Malaysia yang dianjurkan buat julung kalinya di Universiti UCSI, Kuala Lumpur pada 18 Mei ini diharap menjadi lubuk melahirkan lebih ramai pelari menara berprestasi tinggi pada masa depan. Pengasas Persatuan Larian Menara Malaysia, Soh Wai Ching berkata, kejohanan dengan kerjasama jawatankuasa pelajar UCSI-Youth Beyond Boundaries itu adalah bersempena dengan Hari Belia Kebangsaan yang disambut pada 15 Mei setiap tahun.